

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai semua perunding swasta yang dibiayai atau di bayar oleh Kerajaan dari 2005 hingga kini dan sila nyatakan kos tahunan bagi setiap firma, tempoh mula serta akhir kontrak dan nyatakan juga terma rujukan tugas-tugas mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **213 perunding swasta** telah dilantik bagi melaksanakan pelbagai **kerja perundingan** yang melibatkan kos sebanyak **RM468.9 juta** bagi **Perunding Fizikal** (melibatkan perundingan Kejuruteraan dan Bukan Kejuruteraan) dan **pelaksanaan kajian kerajaan** (**Perunding Bukan Fizikal** - Sosio Ekonomi, Pengangkutan, Marin, Kewangan, Pertanian, Informasi Dan Teknologi Maklumat, Pencahayaan & Bunyi, Perundangan dan Tenaga) di **37 agensi** JPM. Dari jumlah tersebut, **72%** adalah bagi **perundingan projek fizikal** manakala **28%** adalah bagi khidmat **perunding bukan fizikal**.

37 agensi yang terlibat dalam melantik perunding swasta ini **termasuk juga lima (5) buah Pihak Berkuasa Koridor** (PBK), iaitu

- i. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) (**RM 26,322,687.99**),
- ii. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA) (**RM 6,047,157.7**),
- iii. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) (**RM 341,814,584.40**),
- iv. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) (**RM1,627,150.72**); dan
- v. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Wilayah Sarawak (RECODA) (**RM 183,744.75**)

Kos bagi setiap perunding adalah berbeza bergantung pada tempoh kontrak dan juga '*complexity*' sesuatu kajian serta projek fizikal. Bagi perkhidmatan perunding bukan fizikal, tempoh pelaksanaan kajian secara keseluruhan adalah di antara 6 bulan sehingga 18 bulan. Tempoh ini dianggap bersesuaian bagi mengelakkan data yang dikumpulkan oleh perunding kajian '*obsolete*' dan tidak relevan dalam penetapan sesuatu keputusan dasar.

Bagi perunding projek fizikal, tempoh pelantikan adalah berbeza tertakluk kepada tujuan pelantikan iaitu sama ada perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/atau pembinaan; atau kerja-kerja ukur tanah, kerja-kerja ukur khusus seperti *hydrography*, aerial *photogrammetry*, *remote sensing*; dan perkhidmatan penilaian fizikal seperti penilaian harta dan audit. Perunding projek fizikal juga melibatkan perkhidmatan kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/atau pembaikan.

Sebagai contoh, pelaksanaan **pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang** di mana kos keseluruhan adalah sebanyak **RM189.5 juta, dan dari jumlah tersebut, sebanyak lebih kurang 3% (RM4.2 juta)** adalah kos yang perlu dibayar kepada perunding arkitek yang telah dilantik untuk merekabentuk bangunan Kompleks Mahkamah tersebut.

Secara keseluruhannya, **nilai minimum** yang dibayar oleh agensi kerajaan di bawah JPM kepada perunding swasta adalah dari **RM5 ribu hingga RM9 juta** atau **diantara 3% sehingga 5%** dari kos keseluruhan projek fizikal bergantung pada skop projek atau kajian.

Terma Rujukan (Terms of Reference - TOR) bagi perunding-perunding ini adalah seperti mana diluluskan oleh satu jawatankuasa khas iaitu **Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)** sebelum persetujuan cadangan pelantikan perunding swasta boleh diperolehi oleh Agensi melalui kelulusan Lembaga Perolehan. JPP bertanggungjawab meneliti perincian anggaran kos dan menilai cadangan teknikal yang dicadangkan oleh Agensi.

Sekian. Terima kasih.